

16/02/2000

Hanya bilik air pangsapuri diubah suai: Saksi

KUALA LUMPUR, Selasa - Seorang saksi memberitahu mahkamah hari ini, beliau hanya mengetahui bilik air di bilik utama unit pangsapuri Sukma Darmawan Sasmitaat Madja diubahsuai ketika membuat pemeriksaan pada Januari 1993.

Penyelia Teknikal Bandaraya Development Bhd (BDB), Tan Seng Kooi, berkata beliau tidak tahu ada pengubahsuaian lain terhadap unit pangsapuri milik Sukma Darmawan itu.

Beliau yang hanya melawat unit itu sekali, juga tidak nampak permaidani dan katil dalam unit berkenaan.

Tan berkata, beliau membuat pemeriksaan ke atas unit selepas mendapat tahu kerja pengubahsuaian dijalankan di unit berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, beliau memaklumkan perkara itu kepada pengurus projek kanan BDB untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, pengurus itu kemudian menulis surat kepada Sukma Darmawan pada 15 Januari 1993 berhubung kerja pengubahsuaianya.

Kepada soalan peguam bela Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo, Tan berkata dalam surat itu dinyatakan kerja pengubahsuaian secara besaran dibuat oleh pemilik unit itu.

Sementara itu, wartawan Bernama, E Sivabalan memberitahu mahkamah bahawa beliau ada membuat laporan pada 24 Ogos 1997 berhubung kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan pembabitian Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam skandal seks.

Katanya, semua petikan dan kandungan laporannya itu adalah benar berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Dr Mahathir pada hari berkenaan.

Sivabalan berkata, beliau yang hadir dalam sidang akhbar Dr Mahathir, membuat laporan pada hari yang sama selepas sidang akhbar itu diadakan.

Kepada soalan peguam bela Anwar, Christopher Fernando, Sivabalan berkata beliau tidak melakukan kesilapan ketika membuat petikan kenyataan Perdana Menteri itu.

Wartawan Utusan Malaysia, Siti Mariam Mat Zin memberitahu mahkamah bahawa beliau membuat laporan bertajuk; 'Fitnah Anwar bermotifkan politik - PM' bertarikh 25 Ogos 1997.

Katanya, semua petikan dan kandungan laporan itu adalah benar berdasarkan kenyataan yang beliau dengar dibuat oleh Perdana Menteri.

Wartawan New Straits Times Sdn Bhd (NST), A Kathiresan memberitahu mahkamah beliau ada membuat laporan berhubung kenyataan Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Abdul Rahim Noor di Pulau Pinang.

Katanya, Abdul Rahim memberitahu wartawan yang hadir bahawa dakwaan salah laku seks terhadap Anwar adalah tidak berasas.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)